BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Surat Penyampaian

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Hj. Tun Abdul Razak,
Timbalan Perdana Menteri/Menteri Kewangan,
Malaysia.

YAB Dato' Sri,

Mengikut seksyen 56 Akta Takaful 1984 dan seksyen 192 Akta Insurans 1996, saya dengan hormatnya mengemukakan laporan berhubung dengan pentadbiran Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996, dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 sebagaimana dimasukkan ke dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2008 ini, untuk dibentangkan di Parlimen.

Dengan hormatnya dikemukakan,



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

25 Mac 2009

Kandungan

Perutusan Gabenor

Ringkasan Eksekutif

Laporan Kestabilan Kewangan

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

11 Gambaran Keseluruhan
11 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Global
13 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Domestik
24 *Rencana: Pengukuran Kekukuhan Akan Datang Sektor Korporat*
30 Penilaian Risiko Sektor Kewangan
34 *Rencana: Pengawalseliaan Risiko Mudah Tunai dan Cabaran Pengurusannya*
47 Prospek bagi Kestabilan Sistem Kewangan dan Fokus Pemantauan pada Tahun 2009

Pembangunan Sektor Kewangan

51 Mengekalkan Kekukuhan dan Keyakinan dalam Sektor Kewangan
52 Memastikan Akses Berterusan kepada Pembiayaan
53 Memperkukuh Keupayaan Institusi Kewangan
54 Menambah Baik Kecekapan dan Keberkesanan Operasi
54 Menambah Baik Infrastruktur bagi Pembangunan Pasaran Kewangan
55 Melestarikan Pembangunan Modal Insan
55 Kewangan Islam – Meneruskan Inisiatif MIFC
56 Meningkatkan Pemantauan Terhadap Pengendalian Pasaran dan Mengukuhkan Keupayaan Kewangan Pengguna
57 Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan
58 Prospek
59 *Rencana: Rangka Kerja Pengawalseliaan bagi Institusi Kewangan Asing dan Bank Pelaburan di Malaysia*

Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan

65 Pengenalan
65 Perkembangan dalam Pengawalseliaan
69 *Rencana: Pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans*
75 Penilaian Penyeliaan
78 Keutamaan dalam Melangkah ke Hadapan

Laporan Sistem Pembayaran

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

81 Keselamatan dan Kestabilan
85 Perpindahan kepada Pembayaran Elektronik
90 Melangkah ke Hadapan

Tambahan

Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sistem kewangan Malaysia menghadapi cabaran persekitaran luaran yang luar biasa pada tahun 2008. Keadaan dalam sistem kewangan global merosot dengan mendadak pada separuh tahun kedua apabila kekangan dana dan mudah tunai aset yang belum pernah berlaku dan kerugian nilai yang lebih besar daripada jangkaan portfolio berkaitan subprima telah melemahkan lembaran imbangan banyak institusi kewangan global. Tahap kerugian yang besar ini telah menyebabkan pihak berkuasa dari beberapa ekonomi negara maju mengambil langkah intervensi yang lebih giat dalam usaha mengembalikan kestabilan sistem kewangan. Penularan meluas kesan krisis ini menggerakkan tindak balas dasar secara lebih komprehensif untuk mengelakkan implikasi sistemiknya kepada sistem kewangan di rantau lain di dunia. Sama pentingnya ialah usaha untuk mengembalikan fungsi pengantaraan dan sekali gus memudahkan aliran kredit untuk menyokong pemulihan ekonomi.

Walaupun keadaan mudah tunai global yang ketat terus berlarutan dan pasaran kredit global terus lemah, keyakinan terhadap sektor kewangan Malaysia terus utuh. Malaysia telah menerima manfaat daripada reformasi kewangan dan pembinaan keupayaan sejak beberapa tahun lalu yang telah memperkukuh tahap daya tahannya. Tambahan pula, dedahan yang kecil kepada risiko berkaitan subprima yang disokong oleh keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, telah berjaya menyekat penularan risiko sistemik, sekali gus membolehkan pasaran kewangan, sistem pembayaran dan seluruh sistem pengantaraan kewangan negara berfungsi dengan lancar.

Daya tahan keinstitusian juga telah disokong oleh peningkatan berterusan dalam kualiti aset dan amalan peruntukan yang mantap oleh institusi perbankan. Ini telah mengekalkan paras jumlah peruntukan kerugian pinjaman (loan loss provision) dalam sistem perbankan pada tahap paling tinggi sejak krisis kewangan Asia. Keuntungan menggalakkan yang dicatat sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga membolehkan pengumpulan penampan modal oleh institusi perbankan dan syarikat insurans. Infrastruktur pengurusan risiko juga terus ditambah baik lantas menyumbang kepada pengurangan kegiatan penghindaran risiko oleh institusi perbankan. Pelaksanaan pembayaran premium berdasarkan perbezaan risiko oleh Perbadanan Deposit Insurans Malaysia (PIDM) pada tahun 2008 terus memperkukuh insentif untuk pengurusan risiko yang lebih mantap oleh institusi perbankan. Penubuhan PIDM telah memperkukuh rangka kerja yang sedia ada supaya tindakan pencegahan lebih awal dan penyelesaian yang lebih berkesan boleh diambil atas institusi perbankan yang bermasalah.

Impak kemerosotan ekonomi global semasa terhadap ekonomi Malaysia dijangka memberikan sedikit tekanan terhadap kualiti aset institusi perbankan. Namun, institusi perbankan telah mengambil inisiatif untuk bertindak lebih awal bagi menangani risiko-risiko yang akan muncul. Beberapa buah institusi perbankan telah memulakan langkah menambah baik modal melalui terbitan hak dan instrumen modal hibrid Kumpulan-1 pada tahun 2008 kerana menjangka berlakunya kemerosotan yang berterusan dalam pasaran kredit global dan kesan susulan yang lebih buruk terhadap ekonomi Malaysia. Kedudukan modal yang lebih kukuh ini meletakkan institusi perbankan atas landasan yang lebih teguh untuk menangani impak kelembapan ekonomi dengan lebih baik dan lebih berkeupayaan untuk merebut peluang yang wujud apabila keadaan ekonomi kembali pulih.

Dalam tempoh ketidaktentuan yang ketara ini, pengawasan yang rapi adalah amat penting. Oleh itu, Bank telah melaksanakan pengawasan yang lebih teliti dan lebih berwaspada terhadap sebarang kemungkinan timbulnya punca risiko yang baharu. Lantaran itu, pemantauan terhadap semua aspek sektor kewangan yang mempunyai dedahan yang besar kepada risiko dilaksanakan dengan lebih teliti. Ujian ketahanan berdasarkan pelbagai senario dijalankan dengan lebih kerap bukan sahaja di peringkat mikro malah di peringkat makro. Hasil ujian menunjukkan bahawa sistem kewangan Malaysia berada pada kedudukan yang cukup baik untuk menyerap sebarang kejutan. Ini dibuktikan oleh nisbah modal wajaran risiko yang jauh melebihi paras minimum pengawalseliaan yang ditetapkan walaupun beroperasi dalam persekitaran yang serba mencabar. Hubungan komunikasi yang rapat antara pihak Bank dan pihak pengurusan kanan serta lembaga pengarah institusi kewangan memastikan penilaian risiko adalah teguh dan berpandangan jauh memandangkan tahap ketidaktentuan yang masih lagi tinggi. Proses ini disokong oleh sistem maklumat dan pengawasan yang teguh meliputi semua segmen pasaran kewangan bagi memudahkan pengesanan awal risiko-risiko yang sedang muncul dalam sistem kewangan.

Malaysia turut membangunkan infrastruktur keinstitusian yang efektif sejak sedekad yang lalu dengan mengambil langkah awal untuk menghadapi risiko-risiko yang akan muncul dalam segmen runcit dan perniagaan. Dana-dana khas telah ditubuhkan untuk memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan bagi sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutamanya untuk tujuan pemodenan infrastruktur perniagaan dan meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka. Skim Penyelesaian Hutang Kecil yang ditubuhkan pada tahun 2003 telah banyak membantu perniagaan kecil yang menghadapi masalah sementara aliran tunai. Selain itu, Skim tersebut juga telah membantu penyusunan dan penjadualan semula hutang yang lebih efektif oleh institusi perbankan. Di samping itu, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang ditubuhkan pada tahun 2006 telah menambah rangkaian cawangannya ke seluruh negara untuk memberikan khidmat kaunseling pengurusan kredit kepada sektor isi rumah dan sekali gus memberi peluang kepada peminjam runcit untuk menyusun semula kemudahan kredit mereka.

Kemelut kewangan global telah menjejaskan sentimen pelabur dan penentuan harga dalam pemerolehan dana melalui pasaran bon domestik. Menyedari betapa pentingnya untuk mencergaskan semula pasaran bon domestik bagi membolehkan syarikat korporat menguruskan keperluan pendanaan mereka dengan lebih baik pada harga yang lebih efisien dari segi kos, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia sedang dalam proses untuk menubuhkan Institusi Jaminan Kewangan (Financial Gurantee Institution, FGI) untuk menyediakan penambahbaikan kredit bagi terbitan bon oleh syarikat korporat yang berdaya maju. Bank Negara Malaysia juga sedang memperkenalkan mekanisme resolusi hutang korporat yang lebih komprehensif. Ini akan menyediakan satu wahana kepada syarikat korporat untuk menstrukturkan semula hutang-hutang mereka dengan lebih efektif dengan berbilang peminjam serta sekuriti hutang yang diterbitkan mereka. Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen Bank Negara Malaysia untuk menangani sebarang tekanan yang mungkin timbul pada peringkat awal.

Sepanjang tahun 2008, kestabilan kewangan keseluruhan membolehkan Bank Negara Malaysia untuk meneruskan strategi pembangunan dalam jangka yang lebih panjang, yang akan bertindak untuk memperkukuh asas bagi pertumbuhan dan transformasi sistem kewangan domestik. Pada tahun itu, sektor kewangan Islam terus mencatat prestasi memberangsangkan dengan sektor perbankan Islam mencapai pertumbuhan tahunan purata sebanyak 20% sepanjang tempoh lapan tahun. Penubuhan subsidiari perbankan Islam yang baharu oleh institusi perbankan domestik, syarikat takaful yang terbesar di dunia, dan pemberian lesen baharu untuk menjalankan perniagaan mata wang antarabangsa di bawah

program utama Pusat Antarabangsa Kewangan Islam Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) pada tahun 2008 akan terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab antarabangsa bagi aktiviti kewangan Islam. Inovasi produk berdasarkan konsep musyarakah sedang diterapkan dengan lebih meluas, termasuk dalam segmen runcit, sebagai respons terhadap permintaan yang bertambah bagi penyelesaian kewangan yang kompetitif berlandaskan prinsip Syariah. Pertumbuhan mantap dalam industri kewangan Islam akan terus disokong oleh pengawalseliaan yang kukuh bagi memastikan pertumbuhan industri yang teratur dalam arus perdana kewangan antarabangsa.

Rangka kerja undang-undang yang lebih teguh juga sedang dibangunkan melalui cadangan Akta Bank Negara Malaysia, yang akan memberikan kejelasan yang lebih baik mengenai mandat kestabilan kewangan Bank. Akta yang dicadangkan ini akan memperkukuh keupayaan Bank Negara Malaysia melaksanakan mandatnya untuk kestabilan kewangan, dengan mengambil kira perkembangan dalam sistem kewangan yang semakin berhubung kait dengan inovasi kewangan yang lebih kompleks, pasaran modal yang lebih bersifat antarabangsa dan peningkatan pertumpuan pengantara dan produk kewangan. Rangka kerja undang-undang yang lebih kukuh ini dibentuk bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menangani cabaran sistem kewangan yang moden.

Ketika Bank Negara Malaysia bersiap sedia untuk terus meliberalisasikan sektor kewangan, kemelut kewangan global semasa memberikan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai amalan risiko dan tadbir urus yang berguna bagi Malaysia dalam menetapkan parameter dan matlamat mengenai aktiviti perbankan merentas sempadan dan ciri-ciri penyertaan asing dalam landskap kewangan dalam negeri. Yang penting, adalah untuk memastikan bahawa liberalisasi akan saling memberi manfaat dan sumbangan positif kepada agenda ekonomi Malaysia sekali gus memelihara kestabilan kewangan. Falsafah dasar bahawa tahap liberalisasi perlu berpadanan dengan keupayaan sektor kewangan untuk menghadapi kesan daripada perubahan landskap terus dikekalkan.


Dengan cabaran semasa yang semakin ketara dihadapi sektor kewangan, tumpuan terhadap tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap menjadi asas kepada rejim pengawalan dan penyeliaan di Malaysia. Ini telah memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan dalam sektor kewangan tidak melebihi keupayaan untuk menguruskan risiko yang berkaitan. Teras kepada rejim ini ialah penekanan untuk memastikan prasyarat dipenuhi sebelum langkah-langkah nyah pengawalan dan liberalisasi dilaksanakan di samping mengekalkan keseimbangan yang bersesuaian antara pendekatan yang berasaskan peraturan dan berasaskan prinsip. Pendekatan ini akan terus menentukan hala tuju pengawalan Bank Negara Malaysia pada masa hadapan. Pengajaran akan diambil daripada krisis kewangan global semasa untuk terus memperkukuh keupayaan menangani risiko keinstitusian dan sistemik dalam sektor kewangan. Ini termasuk peningkatan berterusan sistem pengawasan, pengukuhan dalam pengaturan keinstitusian bagi menghadapi ancaman kepada sistem kewangan, menambah baik struktur insentif, menggalakkan amalan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang mantap, serta menyediakan keadaan yang perlu bagi mempertingkatkan disiplin pasaran.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

25 Mac 2009

Ringkasan Eksekutif



Ringkasan Eksekutif

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran telah disediakan dengan berlatarkan tekanan yang belum pernah dialami sistem kewangan antarabangsa dan kelembapan ekonomi global yang semakin ketara. Laporan ini memberikan penilaian mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan inisiatif pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk mengekalkan keyakinan pasaran, memastikan pengantaraan dana berterusan, dan memelihara kestabilan sistem kewangan keseluruhan. Laporan ini juga meliputi inisiatif pembangunan yang diusahakan ke arah memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan dalam menyokong aktiviti ekonomi dan merealisasikan potensinya sebagai pemangkin pertumbuhan utama bagi ekonomi negara pada masa akan datang.

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

Dalam kemelut pasaran kewangan dan ekonomi global yang semakin buruk, sektor kewangan di Malaysia terus stabil dan berdaya tahan. Langkah-langkah pencegahan awal telah dilaksanakan Kerajaan dan Bank Negara Malaysia sepanjang tahun 2008, yang berjaya memelihara keyakinan dan kestabilan sektor kewangan. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) sektor perbankan kekal teguh pada 12.7% pada akhir tahun 2008, dengan kedudukan modal lebihan berjumlah RM38.8 bilion yang menjadi penampan kepada sebarang kemungkinan kerugian di luar jangkaan. Keuntungan sistem perbankan meningkat sebanyak 8.3% untuk mencatat keuntungan sebelum cukai belum diaudit sebanyak RM19.2 bilion pada tahun 2008, yang sebahagiannya berkurang disebabkan oleh pendapatan lebih rendah daripada aktiviti pelaburan dan perbendaharaan. Dedahan sektor perbankan kepada risiko pertukaran asing masih lagi terkawal, dengan kedudukan terbuka bersih mencakupi 4.6% daripada jumlah asas modal (2007: 4.9%). Sepanjang tahun 2008, sektor perbankan terus menyokong keperluan pembiayaan ekonomi dan memenuhi obligasi kewangannya. Walaupun terdapat sedikit penyederhanaan dalam jumlah pinjaman yang diluluskan bagi pinjaman baharu ekoran kemerosotan jumlah permohonan pinjaman baharu, pinjaman dan pembiayaan terkumpul meningkatkan pada kadar yang tinggi iaitu 12.8% pada akhir tahun 2008. Portfolio pembiayaan tertumpu terutamanya kepada sektor berasaskan runcit dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang masing-masing mencakupi 53.4% dan 17.2% daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan terkumpul. Keupayaan mengurus risiko yang lebih tinggi telah menyumbang kepada pinjaman institusi perbankan yang lebih berkualiti, dengan nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) bersih menurun kepada 2.2% pada akhir tahun 2008 (2007: 3.2%). Program-program peningkatan modal yang diambil atau sedang dirancang oleh institusi perbankan akan terus memperkukuh keupayaan mereka untuk menyerap risiko yang mungkin timbul pada masa akan datang ekoran kelembapan ekonomi dan yang penting, akan membolehkan institusi-institusi perbankan untuk terus melaksanakan fungsi pengantaraan kewangan dengan berkesan.

Sektor insurans dan takaful yang berada pada kedudukan kesolvenan yang selesa, berdepan dengan cabaran untuk mengekalkan pertumbuhan premium dan sumbangan daripada perniagaan baharu, di samping persaingan yang sengit dalam kalangan peserta industri. Jumlah pendapatan premium dan sumbangan bersih meningkat sebanyak 2.4%, terutamanya disebabkan pengembangan dalam perniagaan takaful. Walau bagaimanapun, keuntungan pengendalian perniagaan insurans dan takaful merosot sebanyak 44.5% kepada RM0.7 bilion kerana terjejas oleh nisbah tuntutan yang lebih tinggi sebanyak 84.2% (2007: 79.6%) ekoran tuntutan kenderaan bermotor yang lebih tinggi.

Pasaran kewangan domestik kekal teratur walaupun berlaku keadaan turun naik harga yang tinggi, aliran keluar yang lebih besar dan jumlah urus niaga yang lebih rendah. Keadaan ini disokong oleh jumlah mudah tunai yang mencukupi dalam sistem. Walau bagaimanapun, mudah tunai dalam pasaran dolar AS secara relatif konsisten dengan pengetatan global mata wang tersebut. Pasaran bon terus menjadi sumber utama pembiayaan bagi sektor korporat, dengan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) mencakupi 57.8% daripada jumlah terkumpul PDS dan pinjaman perbankan kepada sektor korporat.

Sektor isi rumah dan perniagaan secara keseluruhannya menunjukkan keupayaan dan kefleksibelan yang tinggi dalam menghadapi cabaran pada tahun 2008. Sektor-sektor tersebut memasuki persekitaran yang semakin mencabar ini dengan kedudukan yang kukuh dan disokong oleh penampan kewangan yang teguh. Walaupun menghadapi cabaran terhadap pendapatan dan tekanan turun naik kos yang lebih besar, keupayaan membayar hutang perniagaan kekal secara relatif di tahap yang selesa pada tahun 2008. Nisbah NPL kasar perniagaan secara keseluruhannya menurun kepada 6% pada akhir tahun 2008 (2007: 8%) sementara nisbah NPL kasar PKS menurun kepada 6.8% (2007: 9.1%). Yang penting, sektor perniagaan terus menerima pembiayaan daripada sektor perbankan dengan sebanyak RM147.9 bilion pinjaman baharu disalurkan kepada sektor perniagaan pada tahun 2008.

Sektor isi rumah terus disokong oleh kedudukan kewangan yang baik dengan kadar keberhutangan yang lebih rendah. Dalam suasana kebimbangan terhadap prospek pekerjaan, permintaan untuk pembiayaan baharu merosot apabila sektor isi rumah menjadi lebih berhati-hati untuk membuat pinjaman baharu. Nisbah NPL kasar isi rumah terus bertambah baik dan mencatat nisbah 4.2% pada akhir tahun 2008 (2007: 5.4%).

Melangkah ke hadapan, sistem kewangan Malaysia dijangka kekal berdaya tahan walaupun berhadapan dengan persekitaran kian mencabar dan boleh memberikan tekanan yang lebih besar terhadap pendapatan serta kegagalan dan kemungkiran peminjam untuk membayar hutang. Beberapa siri ujian ketahanan yang dilaksanakan mengesahkan bahawa keupayaan sistem kewangan untuk mengharungi cabaran ini terus mantap.

Ujian berdasarkan senario terhadap risiko-risiko kredit, pasaran dan mudah tunai tersebut telah dijalankan di peringkat sistem dan setiap institusi untuk memberikan penilaian masa hadapan terhadap keupayaan institusi kewangan untuk berhadapan dengan kejutan kewangan makro yang seterusnya boleh menjejaskan perolehan dan permodalan. Senario tekanan dibina berdasarkan potensi magnitud dan setakat mana kesan limpahan akibat ancaman yang semakin membimbangkan daripada pasaran kewangan antarabangsa, kelembapan pertumbuhan global dan serantau yang berpanjangan, ketidaktentuan yang berterusan dalam harga komoditi dan tenaga serta jangkaan inflasi dalam ekonomi. Berbagai-bagai senario berdasarkan keadaan pertumbuhan domestik dan pasaran kewangan yang setara dengan tahap terburuk dalam sejarah telah digunakan.

Berdasarkan hasil ujian ketahanan, sistem kewangan mempunyai keupayaan dan kefleksibelan untuk membuat penyesuaian dan menghadapi tekanan yang mungkin timbul, walaupun dalam senario kemerosotan ekonomi yang lebih buruk. RWCR sistem perbankan dijangka kekal melebihi keperluan minimum 8%, sementara nisbah modal teras akan melebihi 6%, sebelum mengambil kira beberapa program peningkatan modal yang diambil atau sedang dirancang oleh institusi perbankan. Ini telah diperkukuh oleh modal Kumpulan-1 bank yang berkualiti tinggi, yang nisbah ekuiti terhadap aset sistem perbankan adalah pada kadar 10% daripada jumlah aset wajaran risiko atau 6.8% daripada jumlah aset.

Di pihak Bank Negara Malaysia pula, ia akan terus memperkukuh pemantauan terhadap makroekonomi dan keupayaan pengawalseliaannya bagi mengesan dengan lebih awal risiko yang mendatang agar tindakan awal dapat diambil. Perbincangan dan koordinasi yang diatur antara Bank Negara Malaysia dengan pengawal selia dalam negeri serta antarabangsa yang lain juga akan dipertingkatkan untuk memastikan supaya sistem kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menguruskan implikasi persekitaran yang bertambah sukar pada masa hadapan.

Pembangunan Sektor Kewangan

Sepanjang tahun 2008, fokus utama dasar Bank Negara Malaysia adalah untuk memastikan sektor kewangan kekal utuh dan terus melaksanakan fungsi pengantaraan kewangannya dengan berkesan dalam menyokong aktiviti ekonomi. Usaha berterusan juga telah dijuruskan ke arah pembangunan sistem kewangan yang berdaya tahan, berkesan dan lebih pelbagai.

Usaha bersepadu yang telah diambil sepanjang tahun 2008 adalah untuk memastikan sektor perniagaan terus mendapat akses pembiayaan yang mencukupi, khususnya PKS yang merupakan 99% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia. Kemudahan-kemudahan Bantuan PKS dan Pemodenan PKS, dan Skim Bantuan Jaminan

PKS masing-masing telah diwujudkan pada tahun 2008 dan 2009 bagi tujuan ini. Dua skim tambahan, iaitu Skim Jaminan Modal Kerja dan Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri telah dilancarkan pada awal tahun 2009 untuk menambah saluran kepada syarikat-syarikat mendapatkan dana untuk tujuan modal kerja dan juga menggalakkan aktiviti nilai tambah yang tinggi. Selain itu, Pusat Hubungan Bersepadu yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan juga *ABMConnect* yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank di Malaysia berperanan sebagai saluran penting dalam menghubungkan sektor kewangan dengan orang ramai.

Langkah-langkah yang diambil sepanjang tahun 2008 termasuklah pemberian jaminan penuh Kerajaan melalui Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) terhadap semua deposit ringgit dan mata wang asing yang disimpan di institusi kewangan yang di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia. Sejajar dengan inisiatif serantau untuk memelihara keyakinan terhadap sistem kewangan masing-masing dalam menghadapi kemelut kewangan antarabangsa, langkah pencegahan awal ini bertujuan untuk memelihara kestabilan dan daya saing sektor kewangan domestik. Jaring keselamatan kewangan juga diperluas kepada sektor insurans dan takaful dengan membolehkan syarikat insurans dan pengendali takaful mendapatkan bantuan kemudahan mudah tunai Bank Negara Malaysia.

Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Institusi Jaminan Kewangan (Financial Guarantee Institution, FGI), yang akan memulakan operasi pada separuh tahun pertama 2009 untuk membantu syarikat-syarikat yang berdaya maju mendapat akses kepada pasaran bon bagi memperoleh dana. FGI akan membuat penambahbaikan kredit bagi terbitan bon korporat yang akan mengurangkan kos pembiayaan, menangani potensi tempoh matang yang tidak sepadan dan juga mempelbagaikan sumber pembiayaan.

Dari segi sektor insurans, Bank Negara Malaysia terus berusaha melaksanakan penggabungan dan rasionalisasi untuk menangani sektor insurans am yang mempunyai banyak peserta industri yang kecil. Usaha juga sedang diambil untuk memberi kefleksibelan yang lebih kepada penanggung insurans am untuk mengurus kos mereka. Di samping itu, kefleksibelan juga telah diberikan kepada penanggung insurans untuk memanfaatkan bankasurans sebagai saluran pengagihan utama ke arah meningkatkan penembusan insurans dalam negara.

Menyedari pentingnya mempunyai pendekatan yang selaras dan bersepadu dalam membangunkan modal insan untuk industri perkhidmatan kewangan, Pusat Pendidikan Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Education Center, FSEC) ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bersama-sama Suruhanjaya Sekuriti untuk meraih manfaat daripada usaha saling melengkapi dan kelebihan yang ada pada pelbagai institusi latihan untuk menawarkan latihan bermutu tinggi bagi pelbagai segmen industri perkhidmatan kewangan.

Sejajar dengan inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC), bilangan peserta kewangan Islam antarabangsa yang baharu di Malaysia bertambah lagi pada tahun 2008. Bank Negara Malaysia juga telah memulakan inisiatif membangunkan Parameter Syariah untuk menggalakkan aplikasi kontrak kewangan Islam yang lebih seragam. Penubuhan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (International Shariah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) juga menjadi platform utama untuk mempertingkatkan interaksi dan pertukaran pendapat di kalangan peserta industri dan cendekiawan bagi menggalakkan penyelidikan gunaan dalam bidang Syariah dan kewangan Islam.

Melangkah ke hadapan, komitmen Bank Negara Malaysia dalam mengeratkan lagi hubungan antarabangsa dan menyokong integrasi serantau akan diterajui oleh pelan liberalisasi yang bertujuan untuk meningkatkan sumbangan sektor perkhidmatan kewangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Khususnya, pelan ini bertujuan untuk meletakkan sektor kewangan pada kedudukan strategik untuk menyokong wawasan negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan

Dalam persekitaran kewangan yang lebih mencabar, Bank Negara Malaysia terus mengekalkan keseimbangan yang sesuai antara

pengawalan berasaskan prinsip dan berasaskan peraturan, lantas merintis jalan ke arah usaha penyahkawalseliaan sektor kewangan secara progresif pada masa hadapan.

Pelaksanaan rangka kerja Basel II terus mengikut sasaran yang ditetapkan, dengan 77% daripada institusi perbankan memilih untuk menerima pakai Pendekatan *Standardised* bagi menentukan keperluan modal, manakala institusi perbankan yang lain akan menerima pakai Pendekatan Berdasarkan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based, IRB) bagi risiko kredit. Pilihan untuk menerima pakai Pendekatan IRB juga diperluas kepada bank-bank Islam yang merupakan sebahagian daripada kumpulan perbankan yang menggunakan Pendekatan IRB, agar dapat memanfaatkan infrastruktur dan dasar kumpulan. Bank Negara Malaysia juga menggariskan pendekatan bagi pelaksanaan proses penilaian penyeliaan (Tunggak 2) dan penzahiran kecukupan modal (Tunggak 3) di bawah rangka kerja Basel II. Di samping itu, Rangka Kerja Modal bagi Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) telah diperkenalkan, yang menyokong sifat khusus mandat dan operasi IKP.

Selain itu, butir-butir mengenai cadangan rangka kerja modal untuk pengsekuritian berdasarkan Pendekatan *Standardised* telah dikeluarkan manakala semakan kepada Rangka Kerja Mudah Tunai untuk mempertingkatkan lagi amalan pengurusan risiko mudah tunai sedang dibuat untuk dilaksanakan pada tahun 2009. Bersama-sama usaha ini, Bank Negara Malaysia juga memulakan usaha memastikan institusi perbankan memenuhi prasyarat yang diperlukan untuk membolehkan mereka menerima pakai FRS 139: Pengiktirafan dan Penilaian Instrumen Kewangan (Recognition and Measurement of Financial Instruments). Kepentingan untuk menyemai amalan pengurusan risiko yang mantap dalam institusi perbankan terus diperkukuh melalui usaha PIDM ke arah menentukan kadar premium berasaskan risiko melalui Sistem Premium Pembezaan (Differential Premium System).

Dalam sektor insurans, rejim Margin Kesolvenan sebelum ini telah digantikan dengan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC) pada 1 Januari 2009. Rangka kerja ini memperuntukkan keperluan modal pengawalseliaan yang lebih sejajar dengan dedahan risiko syarikat insurans dan membolehkan syarikat insurans beroperasi pada aras risiko yang berbeza sejajar dengan infrastruktur dan amalan pengurusan risiko mereka. Usaha peringkat awal juga telah dilaksanakan pada tahun 2008 untuk membangunkan Rangka Kerja RBC yang sama untuk pengendali takaful.

Bagi membolehkan Bank Negara Malaysia melaksanakan peranannya dengan lebih berkesan dalam memelihara kestabilan kewangan bagi tahun-tahun yang akan datang, kajian semula yang holistik terhadap Akta Bank Negara Malaysia 1958 telah disempurnakan pada tahun 2008. Akta Bank Negara Malaysia yang dicadangkan akan memberi kejelasan yang lebih baik mengenai peranan Bank Negara Malaysia dalam mengawal dan menyelia institusi kewangan dan membangunkan sistem kewangan yang mantap lagi progresif. Melangkah ke hadapan, keutamaan dalam pengawalan kehematan dan penyeliaan Bank terus tertumpu pada usaha memastikan Bank dan institusi kewangan kekal responsif terhadap risiko menerusi penambahbaikan berterusan rangka kerja pengawalseliaan dan peningkatan tahap penyeliaan.

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

Dalam menghadapi kemelut kewangan, sistem pembayaran dan penyelesaian terus dapat berfungsi dengan baik. Sasaran tahun 2008 adalah untuk memastikan infrastruktur pembayaran dan penyelesaian terus berfungsi dengan lancar dan baik. Sehubungan itu, usaha berterusan sedang diambil untuk mempertingkatkan dan memodenkan sistem bagi mencapai kecekapan dan kepercayaan yang lebih tinggi terhadap sistem pembayaran. Hasilnya, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) yang telah menjelaskan lebih 90% daripada jumlah pembayaran bukan tunai dalam negara terus kukuh tanpa sebarang gangguan besar malah berjaya mencapai 99.9% tahap ketersediaan sistem pada tahun 2008.

Sepanjang tahun 2008, Bank Negara Malaysia juga menubuhkan Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) untuk mengendalikan RENTAS dan Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (Cheque Truncation and Conversion System, eSPICK), serta menerajui agenda Bank untuk berpindah kepada pembayaran secara elektronik (e-pembayaran).

Penubuhan MyClear memperkukuh lagi tanggungjawab pengawasan Bank Negara Malaysia dan membolehkan pengawasan berkesan, penilaian bebas, penaksiran dan pemantauan pelbagai jenis risiko sistem-sistem pembayaran utama.

Kadar perpindahan kepada e-pembayaran terus kukuh melalui kerjasama rapat dengan Kerajaan untuk mempercepat pelaksanaan dan penggunaan e-pembayaran dalam sektor awam. Kesedaran orang ramai terhadap rangkaian pelbagai perkhidmatan pembayaran dalam talian oleh agensi-agensi Kerajaan telah dipertingkatkan melalui aktiviti promosi ``myBayar´´ Kerajaan. Bank Negara Malaysia juga telah dengan lebih giat menggalakkan penggunaan e-pembayaran secara lebih meluas dalam industri insurans dan sekuriti selain memulakan usaha bersepadu dengan pihak yang berkepentingan untuk mencapai matlamat ini. Satu lagi bidang pertumbuhan yang menggalakkan bagi e-pembayaran ialah perkhidmatan perbankan mudah alih yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang berpotensi menjadi antara saluran pembayaran yang utama.

Penyelesaian terhadap perbezaan harga antara cara pembayaran berasaskan kertas berbanding dengan e-pembayaran serta penyediaan insentif yang berkesan untuk menggalakkan perpindahan kepada e-pembayaran akan menjadi bidang tumpuan utama Bank pada masa akan datang. Penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas akan merintis jalan ke arah kemajuan sistem pembayaran yang lebih cekap, yang akhirnya akan mengangkat daya saing ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi.

Laporan Kestabilan Kewangan

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

11 Gambaran Keseluruhan
11 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Global
13 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Domestik
24 *Rencana: Pengukuran Kekukuhan Akan Datang Sektor Korporat*
30 Penilaian Risiko Sektor Kewangan
34 *Rencana: Pengawalseliaan Risiko Mudah Tunai dan Cabaran Pengurusannya*
47 Prospek bagi Kestabilan Sistem Kewangan dan Fokus Pemantauan pada Tahun 2009

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

GAMBARAN KESELURUHAN

Kestabilan dalam sistem kewangan Malaysia terus terpelihara walaupun pasaran kewangan dan persekitaran ekonomi menjadi begitu mencabar berlatarkan kegawatan kewangan dan ekonomi global yang semakin buruk. Kegagalan atau hampir-hampir gagalnya beberapa institusi kewangan besar global yang mencetuskan krisis keyakinan dalam pasaran global dan menyebabkan keadaan mudah tunai dan kredit global menjadi ketat, tidak memberi impak sistemik yang besar terhadap sistem kewangan Malaysia. Ini telah diperkukuh oleh langkah awal pencegahan dan berjaga-jaga oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk memelihara keyakinan dan kestabilan sistem kewangan. Secara keseluruhan, mudah tunai adalah lebih daripada mencukupi. Pasaran kewangan masih teratur walaupun mengalami turun naik harga yang lebih besar, aliran keluar dana yang lebih tinggi dan jumlah perdagangan yang lebih rendah pada tahun 2008.

Kestabilan sistem kewangan masih utuh. Institusi kewangan Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menangani masa hadapan yang lebih menguji, setelah memasuki persekitaran kendalian yang mencabar dengan asas-asas yang lebih kukuh

Sektor kewangan dan pasaran kewangan terus memudahkan perantaraan dana sepanjang tahun. Secara agregat, sektor isi rumah dan perniagaan menunjukkan tahap keupayaan dan kefleksibelan yang tinggi untuk menyesuaikan diri dengan cabaran yang timbul pada tahun ini, disokong oleh penampan agregat kewangan kukuh yang telah terkumpul semasa keadaan ekonomi, perniagaan dan guna tenaga adalah menggalakkan.

Sektor kewangan Malaysia memaparkan keupayaan yang kukuh dan tahap kebolehsuaian yang tinggi pada peringkat sistem dan mikro, serta dapat bertahan dengan anjakan yang pesat dalam faktor risiko luaran dan domestik yang muncul pada tahun 2008. Impak kegawatan kewangan global terhadap sektor kewangan domestik masih terbendung dengan baik oleh sebab pendedahan langsung dan tidak langsung yang terhad terhadap aset dan institusi kewangan yang terjejas akibat kegawatan kewangan global. Tahap pemodalan sistem perbankan masih kukuh, manakala kedudukan kesolvenan industri insurans dan takaful bertahan pada tahap yang selesa. Sementara itu, kualiti portfolio pembiayaan sistem perbankan terus meningkat dengan tahap pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) yang menurun disokong oleh keupayaan pengurusan risiko dan proses penilaian kredit yang lebih mantap sejak bertahun-tahun lalu berserta keupayaan khidmat bayar balik hutang yang tinggi oleh para peminjam.

Melangkah ke hadapan, sistem kewangan Malaysia dijangka terus berdaya tahan walaupun berhadapan dengan risiko kegawatan yang lebih besar. Meskipun keadaan ekonomi dan kewangan dijangka semakin mencabar, siri ujian ketahanan yang dijalankan pada kedua-dua peringkat sistem dan peringkat institusi mengesahkan bahawa keupayaan menanggung risiko sistem kewangan domestik masih kukuh. Sistem kewangan mempunyai keupayaan dan kefleksibelan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran yang berubah-ubah dan menghadapi tekanan yang mungkin timbul akibat keadaan ekonomi yang lembap. Yang paling penting ialah kedudukan sektor kewangan adalah baik untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan dan khidmat kewangan ekonomi serta obligasi kewangannya sepanjang masa. Di samping itu, sektor kewangan akan terus menjadi salah satu pemangkin pertumbuhan ekonomi Malaysia.

PERKEMBANGAN MAKROEKONOMI DAN KEWANGAN GLOBAL


Ekonomi global telah mengalami peralihan yang ketara daripada kebimbangan inflasi kepada kemerosotan mendadak dalam pertumbuhan ekoran krisis kewangan global yang semakin buruk

Ekonomi global telah disokong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam ekonomi sedang pesat

membangun sementara ekonomi maju pula mencatat peningkatan sederhana pada separuh pertama tahun 2008. Pertumbuhan dalam negara sedang pesat membangun yang diterajui oleh Republik Rakyat China dan India, kurang terjejas oleh kegawatan pasaran kewangan antarabangsa. Peningkatan pesat dalam harga komoditi ke paras tinggi menjelang pertengahan tahun, mencetuskan tekanan inflasi khususnya di rantau Asia. Namun begitu, ekonomi global mengalami suatu perubahan yang besar dan genting pada separuh kedua tahun 2008 apabila kebimbangan ini secara mendadak beralih ke arah risiko pertumbuhan. Kegawatan kewangan global yang semakin buruk dan luluh kredit yang menyusulinya telah membawa ekonomi maju ke dalam kancah kemelesetan global secara serentak. Kesan limpahan krisis terhadap negara sedang pesat membangun begitu pantas dan ketara. Ekonomi yang lebih terbuka di Asia mengalami kelembapan yang bermula dengan sektor eksport. Perkembangan ini, bersama-sama dengan pengurangan aktiviti spekulasi dalam pasaran komoditi, menyegerakan pembetulan yang pantas dalam harga komoditi lantas mengakibatkan tekanan disinflasi yang besar dalam kebanyakan ekonomi. Menjelang akhir tahun 2008, kebanyakan ekonomi di serata dunia telah memulakan pakej rangsangan fiskal yang besar dan pelonggaran dasar monetari.


Tahun 2008 menyaksikan kemerosotan selanjutnya dalam sentimen pasaran dan keyakinan oleh sebab jumlah turun nilai dan kerugian kredit institusi kewangan seluruh dunia nyata semakin meningkat. Dengan mudah tunai dalam pasaran kredit dan wang antarabangsa yang ketat serta harga ekuiti yang naik turun dalam mod bearis, akses institusi kewangan kepada pembiayaan antara bank adalah sangat terhad, sehingga mengancam kesolvenan sesetengah institusi. Selepas suatu tempoh tenang yang singkat ekoran langkah-langkah dasar di Amerika Syarikat dan Eropah untuk melegakan tekanan dalam pasaran antara bank global, pasaran kewangan antarabangsa mengalami tekanan teruk dan kesan ketidakstabilan pada akhir suku ketiga, dicetuskan oleh kegagalan beberapa institusi kewangan antarabangsa yang besar. Berikutan penghindaran risiko yang bertambah dan kebimbangan risiko pihak berkenaan lain yang bertambah buruk, keadaan mudah tunai dalam pasaran wang global yang ketat menjadi lebih teruk (Rajah 1.1). Walaupun tindakan yang tidak ortodoks diambil dan langkah dasar yang tidak pernah diambil dahulu dilaksanakan untuk mengekang risiko sistemik dan mengembalikan keyakinan pasaran, yang seolah-olah telah memulihkan keadaan mudah tunai yang ketat, keadaan masih jauh daripada normal menjelang akhir tahun 2008. Keyakinan pasaran terus dilemahkan oleh kebimbangan tentang prospek ekonomi. Harga ekuiti global terus merosot sementara kos perlindungan kemungkiran

Rajah 1.1
LIBOR 3 Bulan Tolak Swap Indeks Semalaman (OIS) 3 Bulan



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.2
Spread CDX dan iTraxx untuk Kredit Gred Pelaburan



Sumber: Bloomberg

Langkah-langkah Dasar Global yang Utama

- **Skim Jaminan**
  - Pengenalan suatu jaminan menyeluruh atau pengembangan dalam jumlah yang dilindungi untuk jaminan sedia ada bagi deposit runcit.
  - Peruntukan jaminan kepada instrumen hutang institusi kewangan jangka pendek dan sederhana yang baharu dan sedia ada dan juga peminjaman antara bank.
- **Swap antara bank pusat**
  - Bank-bank pusat global menubuhkan kemudahan swap mata wang salingan untuk menangani sebarang kekurangan mudah tunai mana-mana mata wang asing dalam sistem perbankan, terutamanya dolar AS.
- **Suntikan modal**
  - Langkah suntikan modal langsung, dengan syarat-syarat dan instrumen yang berbeza-beza merentas negara, digunakan untuk menyokong kedudukan kewangan institusi kewangan. Sesetengah negara mewujudkan dana dan menyatakan komitmen untuk memodalkan semula institusi kewangan sekiranya perlu.
- **Pembelian langsung surat niaga perdagangan**
  - Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (US Federal Reserve) menubuhkan Kemudahan Pembiayaan Kertas Komersial (Commercial Paper Funding Facility, CPFF) untuk membeli kertas komersial bertaraf tinggi tanpa cagaran dan yang disokong aset dalam usaha meringankan masalah mudah tunai pasaran kertas komersial AS.
- **Dasar monetari yang lebih longgar**
  - Bank-bank pusat dan pihak berkuasa kewangan global telah menerima pakai pelonggaran kewangan yang agresif dalam usaha untuk menurunkan kos pinjaman, melegakan aliran tunai dan mengelakkan kelembapan mendadak dalam aktiviti ekonomi.

terhadap hutang korporat bergred pelaburan dan berhasil tinggi kekal pada tahap yang tinggi di tengah-tengah risiko keuntungan perniagaan yang nyata makin lemah dan kemerosotan dalam kualiti kredit (Rajah 1.2).

PERKEMBANGAN MAKROEKONOMI DAN KEWANGAN DOMESTIK

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 4.6% pada tahun 2008 di tengah-tengah kegawatan kewangan antarabangsa dan kemerosotan teruk dalam keadaan ekonomi global

Permintaan dalam negeri yang kukuh, khususnya penggunaan swasta yang berterusan dan perbelanjaan awam yang kukuh, menyokong pertumbuhan pada tahun 2008. Ekonomi berkembang dengan kukuh sebanyak 7.1% pada separuh pertama tahun 2008 disokong oleh prestasi kukuh sektor perkhidmatan, pengembangan dalam aktiviti perdagangan dan pelancongan, permintaan luar yang teguh dari pasaran selain pasaran AS dan eksport yang lebih tinggi bagi produk berasaskan sumber yang juga mendapat manfaat daripada harga komoditi yang meningkat. Pada separuh kedua tahun itu, kemerosotan yang ketara dalam masa yang singkat terhadap keadaan ekonomi global dan pembetulan yang besar dalam harga komoditi menyebabkan penguncupan prestasi eksport Malaysia menjelang penghujung tahun 2008. Memandangkan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia yang tinggi, penguncupan eksport telah menjejaskan dengan teruk pendapatan dan permintaan dalam negeri. Daripada segi bekalan, industri perkilangan yang berorientasikan eksport menjadi lemah sejajar dengan kemerosotan dalam permintaan dunia dan pembetulan yang mendadak dalam harga komoditi. Walaupun sektor perkhidmatan terus menyokong ekonomi, pertumbuhan menjadi sederhana ekoran kelembapan dalam subsektor perkhidmatan yang bergantung pada aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan dan pasaran modal. Aktiviti pelaburan swasta nyata lebih perlahan sementara penggunaan swasta menjadi sederhana pada suku keempat tahun 2008.

Inflasi berpurata 5.4% pada tahun 2008. Inflasi telah pun mengalami arah aliran menaik pada lima bulan pertama tahun 2008, disebabkan faktor yang berkaitan dengan bekalan yang telah membawa kepada peningkatan yang stabil dalam harga makanan dan minyak dunia. Kadar


inflasi pula naik dengan mendadak pada suku ketiga ekoran pelarasan 40.4% terhadap harga minyak runcit pada bulan Jun dan semakan tarif elektrik pada bulan Julai. Inflasi mencapai kadar tertinggi pada 8.5% pada bulan Julai sebelum menyederhana apabila harga makanan dan bahan api domestik menurun pada suku keempat ekoran pembetulan harga komoditi dunia. Sementara itu, kedudukan luaran masih kukuh pada separuh pertama tahun 2008 manakala terdapat lebihan akaun semasa dan akaun kewangan yang besar. Walau bagaimanapun, kedudukan luaran keseluruhan mencatat defisit bersih pada separuh kedua tahun kerana aliran keluar bersih yang besar dalam akaun kewangan akibat aktiviti pembayaran balik hutang yang semakin giat oleh institusi kewangan asing lalu terlebih mengimbangi lebihan dalam akaun semasa. Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah dikurangkan sebanyak 150 mata asas pada tahun 2008 (November) dan awal tahun 2009 (Januari dan Februari). Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement) turut diturunkan secara serentak kepada 1% berkuat kuasa 1 Mac 2009. Pelarasan-pelarasan ini adalah bertujuan untuk menyediakan rangsangan kewangan bagi menyokong permintaan domestik, memandangkan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan semakin meningkat dalam persekitaran tekanan inflasi yang semakin menurun. Sila rujuk Laporan Tahunan 2008 Bank Negara Malaysia untuk keterangan lebih terperinci tentang perkembangan makroekonomi dalam negeri.

Pasaran-pasaran kewangan masih teratur walaupun mengalami turun naik yang semakin meningkat dan mudah tunai perdagangan yang lebih rendah

Pasaran kewangan domestik tidak terkecuali sepenuhnya daripada turun naik harga aset yang lebih tinggi dan mudah tunai perdagangan yang lebih rendah yang telah didorong oleh anjakan yang pantas dalam faktor risiko domestik dan global. Walaupun dalam suasana yang mencabar, mudah tunai pendanaan untuk ringgit adalah lebih daripada mencukupi, dengan pasaran kewangan domestik terus memudahkan perantaraan kewangan, sementara mudah tunai dalam pasaran dolar AS tetap konsisten dengan keadaan mudah tunai global yang semakin ketat.

Dalam pasaran ekuiti domestik, momentum menaik dari separuh kedua tahun 2007 berterusan ke bulan-bulan awal tahun 2008. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), yang disokong terutamanya oleh kaunter perladangan ekoran harga komoditi yang meningkat, memuncak pada 1,516.2 mata pada bulan Januari. Trend ini bertukar arah susulan perkembangan global dan domestik pada bulan-bukan berikutnya. Sambil harga komoditi naik mendadak, sentimen pasaran menjadi bertambah teruk dengan kebimbangan terhadap implikasi tekanan kos yang semakin meningkat terhadap aliran tunai perniagaan.


Rajah 1.3
Prestasi Pasaran Ekuiti Global



Sumber: Bloomberg

Pasaran ekuiti domestik tidak terlindung sepenuhnya daripada perkembangan global pada bulan September dan Oktober, yang menyebabkan penjualan sembarangan secara besar-besaran dalam pasaran ekuiti global. Kesemua perkembangan ini menyebabkan tekanan menurun yang ketara terhadap KLCI. Tekanan inflasi yang semakin menurun dan pelbagai pakej rangsangan antarabangsa dan domestik yang dimulakan serta langkah-langkah yang diambil oleh beberapa bank pusat utama untuk menghindarkan kelembapan ekonomi global yang teruk sedikit sebanyak memperbaiki sentimen. KLCI menjadi stabil pada akhir tahun 2008 untuk mengakhiri tahun berkenaan pada 876.8 mata. Pemodalan pasaran menguncup sebanyak 39.3%, prestasi yang secara relatif lebih baik di rantau ini (Rajah 1.3). Walaupun demikian, turun naik dalam pasaran ekuiti terus tinggi dalam

Rajah 1.4
Turun Naik KLCI dan Sekuriti Kerajaan Malaysia




Sumber: Bloomberg

keadaan penghindaran risiko dan ketidakpastian yang semakin meningkat. Turun naik pasaran ekuiti berpurata 20.5% pada tahun 2008 (2007: 16.3%) (Rajah 1.4).


